

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 04.07.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO 93

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes rasuah yang disabitkan kesalahan semenjak Kerajaan PH memerintah dan berapakah jumlah kertas siasatan yang dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara tetapi belum diangkat ke mahkamah untuk pendakwaan.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Nibong Tebal, sejumlah 163 kes rasuah telah disabitkan kesalahannya semenjak PRU ke-14 sehingga bulan Mei 2019. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 43 kertas siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (JPN) untuk pertimbangan dan keputusan. Sebanyak 29 kertas siasatan telah dituduh di mahkamah, 2 kertas siasatan telah dikeluarkan Laporan SPRM (LSPRM) untuk diperakukan tindakan tatatertib kepada Ketua Jabatan masing-masing, manakala 11 kertas siasatan dalam tindakan lanjut SPRM dan baki 1 kertas siasatan lagi telah di Kemas Untuk Simpan (KUS).

Sekian, terima kasih.